

Cadangan tambah sekolah OKU pekak ambil SPM diteliti

Johor Bahru: Kerajaan akan meneliti sekolah pendidikan khas menengah bagi pelajar berkeperluan khas orang kurang upaya (OKU) masalah pendengaran (pekak), yang terpaksa melakukan perjalanan jauh ke Pulau Pinang untuk mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui terkejut apabila mengetahui hanya ada sebuah sekolah di negara ini yang menjalankan peperiksaan SPM bagi pelajar pekak.

“Saya pasti bawa perkara itu (cadangan sekolah lain untuk ambil SPM bagi pelajar OKU pekak). Saya tidak tahu ada hal ini.

“Ini saya cuba lakukan untuk mendengar suara rakyat menerusi Program Temu Anwar, walaupun ada yang memperlekehkan program ini.

“Apa salah kita dengar (masalah seperti ini) bukan setuju semua, kalau tidak boleh jawab saya bawa ke Jemaah Menteri. Insya-Allah (cadangan bina sekolah menengah OKU pekak di Johor) akan masuk dalam perancangan segera,” katanya ketika menjawab soalan yang mengetengahkan isu pelajar berkeperluan khas (OKU pekak) di Johor yang terpaksa melakukan perjalanan jauh untuk mengambil peperiksaan di Pulau Pinang.

Pada program itu, Anwar menjawab soalan pelajar dan pendidik dari pelbagai sekolah dan institusi ketika lawatan kerja sehariannya ke Johor dalam Program Temu Anwar di UTM di sini, semalam.